

## Hubungan Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar

Mohamad Khairi bin Haji Othman\*

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia

### ABSTRAK

Aspek penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran adalah mustahak, terutamanya untuk menyediakan pelajar yang mempunyai ketahanan diri yang kukuh. Pelajar yang dididik melalui sistem persekolahan mestilah mampu menghadapi cabaran semasa dan juga cabaran masa depan. Cita-cita ini akan tercapai sekiranya mereka menghayati nilai-nilai murni yang menjamin pembentukan peribadi dan sahsiah diri yang utuh, kental dan padu. Justeru, kertas kerja ini membincangkan hasil kajian amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran Bahasa Melayu dan hubungannya dengan penghayatan nilai murni pelajar. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan deskriptif. Data dikutip melalui soal selidik yang melibatkan sampel kajian terdiri daripada 448 orang pelajar pelbagai bangsa sekolah menengah harian terpilih di Semenanjung Malaysia. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara kekerapan penerapan nilai murni dalam pengajaran Bahasa Melayu dengan penghayatan nilai murni pelajar. Selain itu, kajian mendapati hanya teknik model/ccontoh penerapan nilai murni dalam pengajaran sahaja yang mempunyai hubungan signifikan dengan penghayatan nilai murni pelajar. Rumusannya, dapatan kajian ini dapat menjadi panduan bagi memastikan amalan penerapan nilai murni dapat dilaksanakan dengan baik. Hal ini demikian kerana nilai-nilai yang diterapkan adalah nilai sejagat yang diterima oleh semua masyarakat yang terdiri daripada Melayu, China dan India. Secara tidak langsung, ia memberi implikasi dalam mewujudkan kelangsungan hubungan antara kaum melalui amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran guru khususnya dalam Bahasa Melayu yang merupakan mata pelajaran teras yang wajib diambil oleh semua pelajar pelbagai bangsa.

---

\* Email: m\_khairi@uum.edu.my / okhairi@ymail.com, No. Hp: +6019 5701535, No. Tel.: +604 9285425, Fax: +604 9285382

## **1.0 PENDAHULUAN**

Pendidikan dan penerapan nilai tidak boleh dipisahkan dan mempunyai hubungan yang sangat akrab (Tajul Ariffin Noordin & Nor' Aini Dan, 1992; Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, 1993). Pendidikan tidak akan bermakna dan sempurna tanpa penerapan nilai murni (Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Abdul Majid Mohd Isa & Rahil Hj. Mahyuddin, 1996). Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1980) menegaskan bahawa pendidikan merupakan proses penerapan adab ke dalam diri seseorang. Ini bermakna pendidikan bukan hanya untuk menghasilkan warganegara dan pekerja yang baik, malah untuk membentuk manusia atau insan yang baik. Bagi merealisasikan aspek pendidikan yang diutarakan, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan konsep penerapan nilai murni merentas kurikulum.

Penekanan kepada persoalan nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan di Malaysia amat diberi perhatian. Perhatian yang serius bermula dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada 1989 yang menggalakkan guru-guru melaksanakan pendekatan penerapan nilai merentas kurikulum (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988a, 1988b, 1990). Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, aspek Falsafah Pendidikan Kebangsaan terus didokong dengan memberi pendidikan yang seimbang melalui elemen nilai, etika dan kerohanian yang harus dipupuk dalam pengajaran dan pembelajaran (Pelan Pembangunan Pendidikan, 2013-2025).

Penerapan nilai-nilai murni tidak terhad kepada mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, malah diterapkan melalui semua mata pelajaran yang diajar di sekolah melalui aktiviti-aktiviti harian dan kegiatan kokurikulum (Nor Hashimah Hashim, 2000 & 2001; Rahimah Hj. Ahmad & Chang Lee Hon, 1997). Hal ini jelas membuktikan bahawa penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran menjadi agenda penting dalam sistem pendidikan negara.

## **2.0 KONSEP DAN AMALAN NILAI-NILAI MURNI MERENTAS KURIKULUM**

Pembinaan dan pembangunan manusia hendaklah berasaskan nilai murni. Nilai murni merupakan tunggak kepada nilai kemanusiaan yang mampu membentuk dimensi pembinaan sahsiah, kekuatan personal, kekuatan moral, sosial dan kerohanian. Oleh sebab itu, nilai-nilai murni perlu dijadikan nilai teras yang diterapkan dalam kurikulum dan sistem pendidikan di sekolah (Abd. Rahim

Abd. Rashid, 2001). Abd. Rahim Abd. Rashid (2001) juga menjelaskan bahawa kekuatan sesuatu kurikulum pendidikan bukan sahaja bergantung pada pengetahuan dan kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar-pelajar, tetapi juga pemupukan nilai-nilai murni agar pendidikan lebih bermakna mencorakkan perkembangan emosi, sosial, akhlak dan moral pelajar.

Terdapat satu kepentingan dalam pendidikan masa kini supaya nilai-nilai tertentu, khususnya nilai murni, nilai moral, nilai etika dan nilai kemanusiaan dipupuk merentasi kurikulum. Ini berasaskan untuk menjadikan mata pelajaran yang dipelajari di sekolah berupaya mencorakkan dimensi dan kualiti nilai-nilai yang baik, positif dan progresif yang mendorong kepada perkembangan dan perubahan individu, masyarakat dan negara. Selain itu, nilai-nilai yang dipupuk merentasi kurikulum akan dapat membentuk generasi muda yang lebih bertanggungjawab untuk mempertahankan nilai-nilai yang baik sebagai asas mewujudkan kesejahteraan, keamanan dan kemajuan (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2001).

Kementerian Pelajaran Malaysia telah memberikan fokus kepada penerapan nilai kepada para pelajar dalam pembinaan kurikulumnya, iaitu KBSR dan KBSM. Amnya, empat fokus penerapan nilai yang menjadi matlamat KBSM adalah kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan dan kewarganeraan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992). Hal ini jelas berdasarkan matlamat penerapan nilai-nilai murni melalui pendidikan, iaitu untuk melahirkan insan dan juga warganegara yang baik serta memiliki akhlak mulia, manakala objektif penerapan nilai murni adalah seperti berikut:

1. Menanam kesedaran, kesefahaman, keyakinan dan juga kesyukuran
2. Menanam semangat cintakan nilai-nilai suci.
3. Menghormati kebaikan dan membenci keburukan.
4. Membentuk sikap positif dan berguna kepada agama, bangsa dan juga sewaktu menjalankan tugas serta tanggungjawab.
5. Menghapuskan sikap negatif dalam kehidupan dan juga sewaktu menjalankan tugas serta tanggungjawab.
6. Menjalankan amanah dengan dedikasi.
7. Melatih diri dengan disiplin
8. Meningkatkan hasil atau produktiviti
9. Berusaha untuk mencapai kecemerlangan

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 1990; hlm. 25).

Untuk mencapai objektif tersebut, strategi penerapan nilai murni hendaklah berpusatkan kepada nilai rohani. Hal ini demikian kerana ia merupakan paksi kepada pembangunan nilai intelek, emosi dan jasmani ke arah melahirkan insan jagat atau insan yang seimbang dan harmonis (Shahrin Awaluddin & Mohd. Ariff Ismail, 2002; Musak Mantrak, 1993). Tunku Sarah Tunku Mohamad Jiwa (1997) menjelaskan bahawa hati menjadi pusat kepada keimanan manusia dan menjadi asas kepada nilai rohani insan. Seterusnya, Shahrin Awaluddin dan Mohd Arif Ismail (2002) menegaskan bahawa nilai rohani semestinya menjadi inti pati kejadian insan berdasarkan unsur kejadian manusia yang terdiri daripada unsur rohani dan jasmani (al-Quran: 32: 7-9 dalam Shahrin dan Mohd Arif, 2002). Hakikat ini bersesuaian dengan konsep kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan seperti yang terkandung di dalam hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Shahrin Awaluddin & Mohd Arif Ismail, 2002).

Kementerian Pendidikan Malaysia (1990) turut memberi penekanan kepada proses penerapan nilai murni dalam pengajaran semua mata pelajaran KBSM yang menekankan kepada unsur ketuhanan dan kerohanian selain daripada aspek akademik dalam pendidikan. Hal ini demikian kerana pendidikan yang menjauhkan diri daripada unsur ketuhanan akan membawa implikasi-implikasi berikut:

- i. Unsur-unsur nilai murni, jika tidak dinyatakan secara jelas dan sengaja akan mengakibatkan ilmu pengetahuan yang diajar itu ketandusan nilai. Sebaliknya, semua ilmu adalah '*value laden*', maka nilai-nilai yang tidak berteraskan ketuhanan akan memenuhi kekosongan tersebut. Akibatnya, ilmu-ilmu tersebut secara tidak langsung akan memperkembangkan pula nilai-nilai 'bebas dan nisbi'.
- ii. Pendidikan yang terlalu menekankan kepada bidang kognitif, perkembangan akal dan fakulti rasional manusia boleh menyebabkan unsur rohani terbiar.
- iii. Matlamat pendidikan hanya akan tertumpu kepada *utility* dan faedah kebendaan yang boleh dicapai sahaja atau pendidikan yang diberi hanyalah sekadar ilmu semata-mata.
- iv. Ilmu yang disampaikan, justeru tidak memiliki teras dan nilai-nilai murni yang boleh diserapkan dalam diri pelajar tidak akan berjaya untuk menyampaikan serta membawa kepada kebenaran.
- v. Pelajar tidak dapat mengembangkan watak dan sahsiah yang seimbang serta mencapai kepada matlamat hidup yang sebenarnya.

Tajul Ariffin Nordin dan Nor'Aini Dan (2002) turut menjelaskan penerapan nilai murni merentasi kurikulum yang dilaksanakan di dalam setiap mata pelajaran akan dapat membantu melahirkan insan yang seimbang dan harmonis.

Hal ini demikian kerana nilai-nilai yang ingin diterapkan merupakan hasil penggabungan secara seimbang unsur-unsur yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang meliputi elemen nilai jasmani, emosi, rohani dan intelek (Mohd Arif Ismail, 2004).

Konsep penerapan nilai murni merentas kurikulum merupakan strategi utama bagi memastikan tercapainya matlamat kesepaduan pendidikan mengikut Falsafah Pendidikan Kebangsaan demi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Ia dapat dilaksanakan melalui strategi bersepadu di dalam pengajaran dan pembelajaran. Perlaksanaan strategi bersepadu ini bertujuan supaya semua mata pelajaran yang diajar tidak terpisah antara satu sama lain dengan menggunakan unsur-unsur nilai bagi mewujudkan kesepaduan. Pendekatan yang digunakan dalam melaksanakan konsep penerapan nilai murni boleh dilakukan secara langsung dan tidak langsung (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005).

Pendekatan penerapan nilai murni secara langsung dilakukan melalui pendekatan kognitif misalnya melalui teknik perbincangan, sumbang saran, main peranan dan penceritaan bagi isu-isu nilai yang mempunyai kaitan langsung dengan isi pelajaran, manakala pendekatan penerapan nilai secara tidak langsung boleh dilakukan secara bersahaja bagi unsur-unsur nilai yang memerlukan penghayatan dan kesedaran (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000 & 2005). Sommers (1993) menyarankan agar guru-guru menggunakan pendekatan penerapan nilai secara langsung untuk menerapkan nilai murni dalam pengajaran mereka. Perkara ini didasarkan kepada pandangan beliau bahawa menerusi penerapan nilai secara langsung, mampu memberi pemahaman yang lebih jelas kepada pelajar berkaitan nilai-nilai yang perlu dihayati oleh mereka.

Pandangan ini turut dipersetujui oleh Kohlberg (1973) yang menyatakan bahawa di dalam situasi bilik darjah, pendekatan penerapan nilai yang berkesan untuk memupuk nilai dan merangsang penerimaan nilai pegangan pelajar ialah melalui pendekatan penerapan nilai secara langsung. Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa konsep penerapan nilai murni yang diutarakan memfokuskan bagaimana nilai murni perlu disampaikan supaya ia dapat memberi kesan dalam diri pelajar.

Sekiranya penekanan kepada aspek nilai dalam pendidikan tidak berjaya dilaksanakan, akan membawa kehancuran kepada tamadun bangsa dan negara (Hassan Langgulung, 1993). Kita tidak mahu pelajar yang dilahirkan melalui sistem pendidikan negara yang bakal menjadi tonggak harapan negara menjelang Wawasan 2020 hilang arah dan tujuan dalam hidup. Mereka harus disedarkan, ditanam dan dibekalkan dengan suatu iltizam dan semangat jati diri yang utuh

dan kental melalui penerapan nilai-nilai yang luhur dalam diri mereka (Mohamed Sharif & Roslee, 2002). Dalam hal ini seperti program-program kurikulum yang lain, komitmen serta peranan sekolah dan dedikasi guru merupakan faktor terpenting dalam memastikan pencapaian hasrat tersebut.

### 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini ialah untuk mengumpul data mengenai persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan nilai murni dalam pengajaran guru Bahasa Melayu (BM) dan hubungannya dengan penghayatan nilai murni pelajar. Disamping itu, ia juga bertujuan untuk menentukan hubungan antara persepsi pelajar terhadap teknik penerapan nilai murni dalam pengajaran guru BM dengan penghayatan nilai murni pelajar. Berdasarkan objektif tersebut, kajian ini mencari jawapan bagi dua soalan kajian. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan 17 nilai murni dalam pengajaran guru Bahasa Melayu dengan penghayatan nilai murni pelajar? Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap teknik penerapan nilai murni dalam pengajaran guru Bahasa Melayu dengan penghayatan nilai murni pelajar?

### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan deskriptif berdasarkan soal selidik yang dijawab oleh responden. Sampel kajian ini adalah seramai 448 orang pelajar tingkatan empat sekolah menengah harian Semenanjung Malaysia yang telah dipilih secara rawak berstrata, kelompok dan mudah.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Bagi instrumen persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan nilai murni dan penghayatan nilai murni, ia dibentuk dengan merujuk senarai 17 nilai murni yang ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (2005), manakala soal selidik bagi mengukur persepsi pelajar terhadap teknik penerapan nilai murni oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran berfokuskan tujuh teknik berdasarkan Pendekatan Penanaman Nilai (Superka et al., 1976; Teuku Ramli Zakaria, 1997; Robiah Kulop Hamzah, 2001). Hasil ujian *Cronbach Alpha* yang dijalankan mendapati **ni** kebolehpercayaan instrumen kajian ini ialah antara .95 hingga .97. Keadaan ini menunjukkan instrumen tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang boleh diterima. Semua item soal selidik dianalisa dengan menggunakan perisian

Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 17.0 secara statistik inferensi dengan menggunakan statistik ujian korelasi.

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

### 5.1 Hubungan persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan 17 Nilai Murni dalam pengajaran guru BM dengan penghayatan nilai murni pelajar.

Merujuk Jadual 3, dapatan menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan antara persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan 17 nilai murni dalam pengajaran guru BM ( $r=.35$ ,  $p<.01$ ) dengan penghayatan nilai murni pelajar.

**Jadual 3: Korelasi *pearson r* antara persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan 17 nilai murni dalam pengajaran guru BM dengan penghayatan nilai murni pelajar**

Pemboleh Ubah	Penghayatan Nilai Murni
Kekerapan penerapan nilai murni (BM)	.35**

\*\* $p<.01$

### 5.2 Hubungan antara persepsi pelajar terhadap teknik penerapan nilai murni dalam pengajaran guru Bahasa Melayu dengan penghayatan nilai murni pelajar

Seterusnya, dapatan analisis korelasi dalam Jadual 4 menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap teknik penerapan nilai murni dalam pengajaran guru Bahasa Melayu bagi dimensi teknik pengukuhan positif ( $r = .08$ ,  $p > .05$ ), teknik pengukuhan negatif ( $r = -.05$ ,  $p > .05$ ), teknik kuliah/syarah ( $r = .08$ ,  $p > .05$ ), teknik perbincangan ( $r = .07$ ,  $p > .05$ ) dan teknik main peranan ( $r = -.06$ ,  $p > .05$ ) dengan penghayatan nilai murni pelajar.

Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan dengan kekuatan hubungan yang sederhana antara teknik model/ccontoh ( $r = .27$ ,  $p < .01$ ) dengan penghayatan nilai murni, manakala teknik simulasi ( $r = -.15$ ,  $p < .05$ ) menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan dengan kekuatan hubungan yang sederhana dengan penghayatan nilai murni pelajar.

**Jadual 4: Korelasi *pearson r* antara dimensi-dimensi teknik penerapan nilai murni dalam pengajaran guru BM dengan penghayatan nilai murni pelajar**

Pemboleh Ubah	Penghayatan Nilai Murni
Teknik pengukuhan positif	.08
Teknik pengukuhan negatif	-.05
Teknik simulasi	-.15**
Teknik model/ccontoh	.27**
Teknik kuliah/syarah	.08
Teknik perbincangan	.07
Teknik main peranan	-.06

\*\*p<.01

## 6.0 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian mendapati persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan 17 nilai murni dalam pengajaran guru Bahasa Melayu mempunyai hubungan positif yang kuat dan signifikan dengan penghayatan nilai murni pelajar. Ini bermakna kekerapan guru menerapkan nilai murni dalam pengajaran akan meningkatkan penghayatan nilai murni pelajar.

Secara amnya, dapatan kajian ini selaras dengan kajian Teuku Ramli Zakaria (1997) yang mendapati terdapat korelasi yang positif antara pengajaran “Pendidikan Pancasila” dengan perkembangan sikap moral pelajar. Begitu juga dapatan kajian ini hampir selari dengan kajian Skaggs dan Bodenhorn (2006) yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan pelaksanaan pendidikan karakter dengan tingkah laku pelajar. Selain itu, dapatan kajian ini juga mengembangkan lagi penemuan kajian Ab. Halim Tamuri (2000) yang mendapati kekerapan yang tinggi pengajaran nilai-nilai murni dalam beberapa mata pelajaran lain selain daripada Pendidikan Islam akan meningkatkan tahap pengetahuan akhlak pelajar, malah kajian ini mendapati kekerapan penerapan nilai murni dalam pengajaran guru Bahasa Melayu akan meningkatkan penghayatan nilai murni pelajar. Dapatan ini juga selaras dengan pandangan bahawa pengajaran bahasa kebangsaan adalah untuk memastikan kebenaran dan integriti peribadi dalam komunikasi (Smith, 1997).

Selanjutnya, dapatan ini bersesuaian dengan hasrat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menekankan kepentingan nilai diterapkan kepada pelajar dalam melahirkan pelajar yang baik. Ianya juga selaras dengan



kenyataan bahawa objektif penerapan nilai murni, iaitu untuk membentuk pelajar supaya menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni yang boleh memberi kebaikan kepada diri sendiri, masyarakat dan negara (Wan Hasmah Wan Mamat, 2000). Secara tidak langsung, matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis turut akan tercapai.

Dapatan ini juga bersesuaian dengan perspektif pemikiran Al-Ghazali dalam konteks hubungan peranan guru dengan pembangunan pelajar yang mana Al-Ghazali (1998) menjelaskan bahawa pengajaran ialah untuk membina tabiat yang baik dan pembangunan akhlak dan moral kanak-kanak adalah matlamat utama dalam pendidikan. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa tanggungjawab sebagai seorang guru bukan hanya menyampaikan ilmu dalam bidang masing-masing, malah guru perlu bertindak sebagai seorang pembimbing dan peserta yang aktif dalam membentuk pelajar berkeperibadian tinggi dan bersahsiah mulia (Prencipe & Helwig, 2002; Veugelers, 2000).

Seterusnya, kajian mendapati persepsi pelajar terhadap teknik penerapan nilai murni dalam pengajaran guru menunjukkan hanya dimensi teknik model/ccontoh dalam pengajaran guru Bahasa Melayu yang mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan penghayatan nilai murni pelajar. Ini bermakna bahawa semakin tinggi persepsi pelajar terhadap teknik model/ccontoh dalam pengajaran guru Bahasa Melayu, semakin tinggi penghayatan nilai murni pelajar. Ia secara langsung menjelaskan bahawa teknik model/ccontoh memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan penghayatan nilai murni pelajar. Dapatan ini selari dengan teori Pendekatan Penanaman Nilai oleh Superka et al (1976) yang menjelaskan bahawa teknik yang paling berkesan untuk menanamkan nilai dalam pengajaran ialah teknik model.

Hasil kajian menunjukkan guru perlu menjadi *role model* kepada pelajar yang juga selari dengan dapatan kajian Butroyed dan Somekh (2001). Dapatan kajian ini juga menyokong kajian Prencipe dan Helwig (2002) yang menyatakan bahawa guru perlu memberi contoh yang baik kepada pelajar dari aspek keperibadian dan intelek. Ini juga bersesuaian dengan kenyataan Noor Lela Ahmad (2008) yang menjelaskan bahawa dalam usaha untuk mengatasi masalah sosial dan keruntuhan akhlak, peranan guru untuk bertindak sebagai pendidik, pembimbing dan sebagai *role model* yang baik kepada pelajar adalah sangat diperlukan. Hasil kajian ini juga selaras dengan kenyataan Mohd Khamdani Sairi (2010) bahawa pengetua yang mengamalkan nilai-nilai yang baik akan dihormati oleh guru-guru dan warga sekolah terutama murid-murid berbanding yang tidak mengamalkan nilai.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan jelas menunjukkan persepsi pelajar terhadap kekerapan penerapan nilai murni dalam pengajaran guru Bahasa Melayu mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan penghayatan nilai murni pelajar. Ini membuktikan semakin kerap guru menerapkan nilai, semakin dapat meningkatkan penghayatan nilai pelajar. Oleh itu, guru Bahasa Melayu haruslah memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan nilai pelajar kerana Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras dalam sistem pendidikan di negara Malaysia yang wajib diambil oleh semua pelajar daripada pelbagai latar belakang etnik yang terdiri daripada Melayu, Cina, India dan lain-lain. Dengan adanya penghayatan nilai oleh semua pelajar terutama dalam kalangan pelajar Melayu, Cina dan India yang merupakan penduduk majoriti di Malaysia akan dapat mengeratkan hubungan antara kaum tersebut.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, dan Jaafary Awang. (2005). Cabaran pendidikan nilai dalam pembangunan insan di Malaysia. *Prosiding seminar pendidikan serantau UKM-UNRI ke-2*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar Ahmad. (2009, 28 Jun). *Pendidikan moral pelajar terpinggir*. Mingguan Malaysia. hlm. 9.
- Asmawati Suhid, Rahyl Mahyuddin, dan Abdul Rahman Mad Aroff. (2001, 23 – 25 Mei). *Persepsi pelajar institusi pengajian tinggi terhadap Pendidikan Moral*. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral Dalam Dunia Globalisasi, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Barone, T. (2004). Moral dimensions of teacher-student interactions in Malaysian secondary schools. *Journal of Moral Education*, 33 (2), 179-196.
- Bryman, & Cramer. (1999). *Quantitative data analysis with SPSS release eight minute for windows*: A guide for social scientists. London: Routledge.
- Chang Lee Hoon. (2006). Teachers as agents of values: Malaysian perspective. *Jurnal Pendidikan*, 26, 51- 60.
- Ee Ah Meng. (1998). *Pendidikan di Malaysia 1: Falsafah Pendidikan, Guru dan Sekolah (Ed. 2)*. Shah Alam: Fajar Bakti.

- King, A. S., & Reiss, M. J. (Eds) (1993). *The Multicultural Dimension of the National Curriculum*. London: Falmer Press.
- Mohd Arif Hj Ismail, Mohd Jasmy Abd. Rahman, & Rosnaini Hj. Mahmud. (2005). Nilai-nilai murni dan pendidikan bersepadu: ke arah kemanusiaan sejagat. *Prosiding wacana Pendidikan Islam (Siri 4): Pendidikan Islam ke arah kemanusiaan sejagat*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Lela Ahmad. (2008). *Amalan penerapan nilai murni guru perakaunan dalam pengajaran Prinsip Perakaunan*. Tesis Ph.D. Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Hashim. (2000). *Pemahaman guru terhadap penerapan nilai-nilai murni di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah*. Laporan penyelidikan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia.
- Nor Hashimah Hashim. (2001). Penerapan nilai-nilai murni melalui mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(4), 27-40.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Dimuat turun pada 10 Februari 2013 dari <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2005). *Buku panduan pengajaran dan pembelajaran nilai merentas kurikulum KBSR / KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rahimah Hj. Ahmad, dan Chang Lee Hon. (1997). Pendidikan moral dan nilai adalah asas meningkatkan martabat profesion perguruan. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Moral dan Nilai Dalam Pembangunan manusia*. Bangi: Fakultil Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1980). *The concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Tajul Ariffin Noordin, & Nor'Aini Dan. (1992). *Pendidikan dan wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu.

- Wan Hasmah Wan Mamat. (2002). A qualitative investigation on the teaching of values education in Malaysian schools: Expectations and realities. *Jurnal Pendidikan*, 22, 137-154.
- Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin. (1988). *Ke arah pelaksanaan nilai-nilai murni di dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Nilai-nilai Murni Merentas Kurikulum Dalam KBSM di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin. (1993). *Wawasan pendidikan: agenda pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Rahil Hj. Mahyuddin, Mohd. Ibrahim Nazri, Muhamad Hassan Abd. Rahman, Abd. Rahman Hj. Raffiee, et al. (1994). *Pendidikan Akhlak di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Laporan Penyelidikan Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia.
- Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Abdul Majid Mohd Isa, & Rahil Hj. Mahyuddin. (1996). *Penerapan nilai murni merentas kurikulum: Satu Tinjauan*. Laporan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia.